



PESERTA Peserta wanita bagi Kursus Pengurusan Jenazah Siri 2/2017 yang telah diadakan di Masjid UMS kelmarin bergambar bersama selepas selesai bengkel tersebut.

UMS anjur kursus pengurusan jenazah

NST 4.12.2017 5

KOTA KINABALU: Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah terus mengekalkan peranannya sebagai penyuntik semangat dakwah dan ilmu kegamaman dalam kalangan mahasiswa mahasiswi UMS khususnya.

Mengekalkan peranan dalam memberi pendidikan agama dan pengetahuan ilmu fiqh serta ilmu kifayah, Kursus Pengurusan Jenazah Siri 2/2017 telah diadakan di Masjid UMS kelmarin.

Kursus itu diadakan secara percuma bagi semua pelajar UMS yang berminat dan pengisian kursus itu adalah tentang keperluan pengetahuan menguruskan jenazah bagi lelaki dan wanita Islam.

Seramai 63 orang pelajar menyertai kursus yang diadakan selama sehari itu dan turut disertai oleh lima orang awam yang diantaranya adalah daripada Pusat Hidayah Sabah.

Noor Amirah Ismail, 21 yang merupakan pelajar tahun akhir program Komunikasi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan berkongsi pandangan dan pengisian ilmu

yang diperoleh melalui kursus yang disertainya itu.

"Bagi saya, kursus sebegini adalah perlu bagi memberi pendidikan kepada siswa siswi seperti kami kerana kita harus sedar, pembelajaran di peringkat universiti adalah bersifat menyeluruh dan bukan hanya tertakluk kepada ilmu dunia semata-mata.

"Saya berbangga dapat menjadi sebahagian daripada peserta yang menyertai kursus dan mendapat ilmu baharu serba sedikit tentang ilmu pengurusan jenazah wanita," katanya kepada media kelmarin.

Kursus itu telah dikendalikan oleh kakitangan Pusat Islam UMS iaitu Ustazah Noorisah Taljid, Ustazah Salinah Ramlee dan Ustaz Nazrie Petir.

Program ilmu seumpama itu dilihat mampu melahirkan mahasiswa dan mahasiswa celik dunia dan akhirat dan penganjuran program seumpamanya akan terus dilaksanakan dengan lebih kerap terutamanya bagi mahasiswa di UMS.

-OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE